

10 APR 1996

TEKNOSIF NAK EDAR PERISIAN KELUARAN SYARIKAT JERMAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Teknosif Sdn Bhd, sebuah syarikat dalam kumpulan Tongkah, menandatangani perjanjian dengan syarikat perisian berpangkalan di Jerman, Software AG (M) Sdn Bhd untuk mengedar perisian penggunaan PRODIS dan keluaran teknologi Software AG yang berkaitan di Malaysia.

Perisian penggunaan PRODIS adalah sistem perancangan pengeluaran yang menyeluruh, bersepadu dan diperluaskan untuk kegunaan syarikat-syarikat pembuatan yang bersaiz sederhana hingga besar.

"Perniagaan itu akan membolehkan Teknosif memajukan sebuah perniagaan teknologi maklumat (IT) yang berdaya untung serta untuk mengadakan struktur sokongan yang stabil dan kukuh dalam IT untuk sektor pembuatan," kata pengerusi eksekutif kumpulan Tongkah Mokhzani Mahathir pada upacara penandatanganan perjanjian itu di sini, hari ini.

Teknosif menjangkakan nilai jualan RM3 juta daripada PRODIS dalam tahun pertama dan RM10 juta selepas tiga tahun, katanya.

Mokhzani berkata Teknosif, dengan bantuan Software AG, juga merancang untuk menubuhkan sebuah pusat kemahiran PRODIS di negara ini untuk menawarkan perkhidmatan seperti perunding pengurusan, pengurusan projek, perunding penggunaan, pembangunan dan pengubah suaian penggunaan, penyenggaraan dan khidmat sokongan dan latihan.

Pusat itu akan mempunyai prasarana yang lengkap yang dapat menyokong semua peluang-peluang PRODIS di Malaysia dan akhirnya, di seluruh rantau Asia Pasifik, katanya.

Software AG, ditubuhkan dalam 1969 di ibu pejabatnya di Alsbach, Jerman, merupakan salah satu syarikat pengeluaran perisian terbesar di dunia dengan hasil melebihi AS\$590 juta (RM1.5 bilion). Ia mempunyai tenaga kerja 5,000 dan berkhidmat di hampir 80 buah negara. -- BERNAMA

JR SIA